

10/09/1998

Perak minta ahli patuhi keputusan MT

IPOH, Rabu - Ahli dan pemimpin Umno pelbagai peringkat di Perak diingatkan mematuhi keputusan parti peringkat negeri dan Majlis Tertinggi (MT) yang menyokong pelucutan jawatan Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada Kabinet dan pemecatan keahliannya dalam parti.

Menteri Besar, Tan Sri Ramli Ngah Talib, berkata adalah tidak wajar ahli atau pemimpin terbabit masih bersekongkol dengan bekas Timbalan Presiden Umno itu sedangkan semua pihak sebulat suara memberikan sokongan padu kepada Perdana Menteri yang juga Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Badan Perhubungan Umno negeri, Pergerakan Pemuda dan Wanita sudah sebulat suara menyatakan pendirian menyokong tindakan yang diambil Perdana Menteri mengenai isu berkenaan.

"Adalah tidak wajar jika ada ahli Umno yang masih membelakangkan keputusan sebulat suara itu.

"Saya harap mereka yang masih menyebelahi bekas Timbalan Perdana Menteri itu kembali dan memberikan sokongan tidak berbelah bagi kepada Dr Mahathir," katanya di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian mengulas tindakan beberapa pemimpin Umno dari negeri ini termasuk daripada Pemuda yang masih menyokong dan bersama Anwar sejak pemecatannya daripada Kabinet Rabu lalu.

Mereka yang bersimpati dengan Anwar itu dikatakan turut mengambil bahagian memberi ucapan kepada penyokong yang hadir di kediaman Anwar.

Ditanya mengenai kemungkinan tindakan akan diambil terhadap ahli yang ingkar dengan keputusan itu, Ramli yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Perak berkata pihaknya memberi peluang kepada mereka yang terbabit kembali ke pangkal jalan.

"Buat masa ini kita nasihatkan mereka mematuhi keputusan yang dibuat bersama," katanya.

(END)